

20/09/1997

Jerebu: Malaysia minta bantuan asing (HL)

Kamal Ahmad; Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bantuan dari beberapa negara akan diminta untuk mengatasi masalah jerebu di Malaysia, Indonesia dan negara lain rantau ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perancis mungkin menyediakan peralatan untuk tujuan pembenihan awan seperti bom air dan pesawat, selain pam dan bahan buih untuk memadamkan api, bagi membantu menangani masalah itu.

Perdana Menteri yang mengutus surat kepada Presiden Suharto minggu ini berkata, Indonesia bersetuju agar Malaysia menyertai usaha memadamkan kebakaran hutan yang menjadi punca jerebu itu.

"Kita akan meminta beberapa negara lain untuk membantu tetapi saya tidak dapat lagi menamakan negara berkenaan," katanya sambil memberitahu usaha pembenihan awan akan diteruskan supaya hujan lebih kerap turun dan mengurangkan jerebu.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menyampaikan Syarahan Perdana 'Malaysia Dalam Alaf Akan Datang: Cabaran Bagi Generasi Muda' sempena Majlis Pertemuan Alumni Universiti Malaya di sini, hari ini.

Pagi tadi, Perdana Menteri mengisytiharkan Darurat Jerebu bagi seluruh Sarawak apabila Indeks Pencemar Udara (API) di negeri itu mencecah 600, jauh melebihi paras berbahaya 301 hingga 500.

Di Semenanjung pada jam 5 petang ini, Nilai mencatatkan API 314 dan Gombak (304) - kedua-dua di paras berbahaya, manakala Kuala Lumpur dan Melaka, masing-masing mencatatkan 292 dan 244 (paras sangat tidak sihat).

Dr Mahathir berkata, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) juga sudah diarah membantu operasi pembenihan awan dan jika Indonesia bersetuju, pesawat TUDM akan dihantar membantu memadamkan kebakaran di sana.

Pada masa yang sama, katanya, 18 syarikat perladangan dan pembalakan yang mempunyai kepentingan ekuiti Malaysia dan dipercayai menyebabkan kebakaran itu, seharusnya bertanggungjawab dengan membantu Indonesia memadamkan kebakaran itu.

Kebakaran beribu-ribu hektar hutan di Sumatera dan Kalimantan sejak beberapa bulan lalu menyebabkan asapnya memenuhi ruang angkasa kebanyakan negara Asean khususnya Malaysia, Singapura dan Brunei.

Semalam Perdana Menteri mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat memberi bantuan segera memadam kebakaran di Indonesia. Jabatan itu diminta membuat persediaan mengumpul peralatan pengepam air mudah alih untuk dibawa ke Indonesia secepat mungkin.

Mengenai keadaan di Sarawak, Dr Mahathir berkata, lebih banyak operasi pembenihan awan perlu dijalankan untuk membersihkan udara dan jika itu tidak boleh dilakukan, semburan air ke udara boleh dibuat.

"Saya telah meminta (pendapat) sama ada mereka boleh menjalankan lebih banyak pembenihan awan dan jika mereka tidak dapat melakukan pembenihan awan, cuma siramkan air. Cuma terbang di kawasan yang banyak penduduk dan siramkan air pada ketinggian tertentu," katanya sambil menambah, tindakan serupa akan dibuat di Semenanjung.

"Kita akan teruskan usaha pembenihan awan, tidak kira sama ada awan ditemui atau tidak. Kita hanya mahu lebih banyak hujan," katanya.

Perdana Menteri menasihatkan orang ramai supaya memakai topeng pelindung udara.

"Itulah sebabnya saya memakai topeng ini semalam sebagai teladan.

Jika saya tidak berbuat demikian, orang akan berkata mereka malu melakukannya, jadi sayapun pakailah semalam," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara, Datuk Mohamed Rahmat kerajaan sudah pun menghantar permohonan kepada Jepun dan Perancis serta negara Asean lain untuk membantu memadamkan kebakaran hutan di Indonesia.

"Kebakaran hutan di Indonesia adalah malapetaka dan perlu ditangani bersama negara Asean atas semangat serantau.

"Apa yang penting sekarang ialah semangat membantu bagi memadam kebakaran.

"Ini masanya untuk bekerjasama membantu Indonesia dalam semangat Asean," katanya pada sidang akhbar bagi mengisytiharkan Darurat Jerebu di Sarawak, di sini.

(END)